

**Embargo sehingga jam 1200,
Jumaat, 4 Oktober 2019**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN OGOS 2019 DAN TEMPOH JANUARI-OGOS 2019 #

Lebihan Dagangan Kekal Melepas Nilai RM10 Bilion

Lebihan dagangan Malaysia pada Ogos 2019 bernilai RM10.92 bilion, melonjak 655.2% berbanding Ogos 2018 dan mencatatkan lebihan dagangan yang ke-262 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Eksport menyusut 0.8% tahun ke tahun kepada RM81.36 bilion. Pengurangan eksport telah direkodkan ke Hong Kong SAR, Australia, Taiwan, China, New Zealand, Republik Korea (ROK) dan ASEAN. Sementara itu, peningkatan eksport dicatatkan ke Bangladesh, India, Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU).

Import berjumlah RM70.43 bilion, penyusutan sebanyak 12.5% berbanding Ogos 2018. Jumlah perdagangan bernilai RM151.79 bilion, menurun 6.6% tahun ke tahun.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing mencatatkan pengurangan 6.1%, 7.5%, 4.4% dan 23.5%.

Pada 8 bulan pertama 2019, jumlah perdagangan bernilai RM1.209 trillion, mengurang 2.1% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport berjumlah RM650.81 bilion, penurunan marginal 0.4% manakala import menyusut 4% kepada RM558.26 bilion. Lebihan dagangan meningkat 28.7% kepada RM92.55 bilion.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Barangan Perkilangan Logam Menerajui Pertumbuhan Eksport Barang Perkilangan Bagi Ogos 2019

Eksport barang perkilangan pada Ogos 2019 yang merangkumi 84.4% daripada jumlah keseluruhan eksport tumbuh 0.1% kepada RM68.64 bilion. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barang perkilangan logam, kelengkapan pengangkutan, barangan besi dan keluli, keluaran petroleum, barangan makanan diproses serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Eksport hasil galian (7.4% syer) bernilai RM6.01 bilion, turun 20.7% disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport petroleum mentah yang mencatatkan kuantiti dan nilai unit purata (AUV) yang lebih rendah.

Dari sudut positif, eksport keluaran pertanian naik 13% kepada RM5.98 bilion (7.4% syer), didorong oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Eksport minyak sawit merekodkan pertumbuhan 31.4% kepada RM3.65 bilion berikutan peningkatan kuantiti.

Barangan eksport utama pada Ogos 2019:

- Barangan elektrik dan elektronik (E&E) bernilai RM29.67 bilion dan merangkumi 36.5% daripada jumlah eksport, turun 7.4% berbanding Ogos 2018;
- Keluaran petroleum, RM5.43 bilion, 6.7% daripada jumlah eksport, meningkat 7%;
- Kimia dan bahan kimia, RM4.77 bilion, 5.9% daripada jumlah eksport, turun 4.5%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM4.08 bilion, 5% daripada jumlah eksport, meningkat 23.3%; dan
- Barangan perkilangan logam, RM3.96 bilion, 4.9% daripada jumlah eksport, naik 19.2%.

Berbanding Julai 2019, eksport keluaran pertanian mencatatkan kenaikan dua digit sebanyak 21.4%, manakala eksport barangank perkilangan dan hasil galian masing-masing berkurang 9.4% dan 9%.

Pada Januari hingga Ogos 2019, eksport barangank perkilangan meningkat 0.7% kepada RM548.34 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangank besi dan keluli, barangank E&E, barangank makanan diproses serta kimia dan bahan kimia. Eksport hasil galian menyusut 3.8% kepada RM54.51 bilion disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport petroleum mentah. Eksport keluaran pertanian menguncup 4.2% kepada RM43.05 bilion berikutan penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

Eksport ke ASEAN Kekal Kukuh bagi 8 Bulan Pertama

Perdagangan dengan ASEAN pada Ogos 2019 yang merangkumi 26.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia menguncup 8.5% tahun ke tahun kepada RM39.78 bilion. Eksport ke ASEAN turun 1.2% kepada RM22.92 bilion, berikutan eksport yang lebih rendah bagi barangank E&E, keluaran petroleum, barangank kemas serta minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit. Walau bagaimanapun, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangank besi dan keluli serta petroleum mentah mencatatkan pertumbuhan. Import dari ASEAN menyusut 16.9% kepada RM16.87 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM10.94 bilion, menurun 7.2%
- Thailand RM4.25 bilion, ↓8.3%
- Viet Nam RM2.96 bilion, ↑24.6%
- Indonesia RM2.59 bilion, ↑10.3%
- Filipina RM1.49 bilion, ↓1.8%
- Kemboja RM289.0 juta, ↑144.5%
- Brunei RM201.3 juta, ↑10.7%

- Myanmar RM184.7 juta, ↓16.4%
- Lao PDR RM2.8 juta, ↓53.8%

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang mencatatkan peningkatan adalah **Viet Nam**, yang meningkat sebanyak RM585.8 juta berikutan kenaikan eksport barang perkilangan logam, **Indonesia** (↑RM242.4 juta, barangan besi dan keluli) dan **Kemboja** (↑RM170.8 juta, keluaran petroleum).

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing merekodkan penurunan sebanyak 7%, 9.1% dan 4%.

Pada Januari hingga Ogos 2019, perdagangan dengan ASEAN menyusut 3.5% kepada RM321.88 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke rantau ini berkembang 0.6% kepada RM187.48 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan besi dan keluli, barang E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan, gas asli cecair (LNG) serta petroleum kondensat dan minyak petroleum lain. Import turun 8.6% kepada RM134.39 bilion.

Eksport Minyak Sawit dan Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit Berkembang Dua Kali Ganda ke China pada Ogos

Pada Ogos 2019, perdagangan dengan China yang mewakili 17.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia atau sebanyak RM26.47 bilion, turun 7.9% tahun ke tahun. Eksport bernilai RM11.49 bilion, mengurang 2.8% berikutan penurunan eksport barang E&E, petroleum mentah, bijih logam dan serpihan logam serta kimia dan bahan kimia. Namun begitu, eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit merekodkan kenaikan 102.8%. Barang lain yang mencatatkan peningkatan termasuklah barangan perkilangan logam serta barangan besi dan keluli. Import dari China turun sebanyak 11.5% kepada RM14.97 bilion.

Berbanding Julai 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing menguncup 7.1%, 13.9% dan 1.2%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari hingga Ogos 2019 berjumlah RM203.73 bilion, menyusut sebanyak 1.2% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke China turun secara marginal sebanyak 0.1% kepada RM88.96 bilion, berikutan pengurangan eksport barang E&E, keluaran getah, petroleum mentah serta barang optik dan saintifik. Namun begitu, perkembangan eksport dapat dilihat bagi LNG, kimia dan bahan kimia, barang besi dan keluli serta barang perkilangan logam. Import dari China mencatatkan penurunan 2% kepada RM114.77 bilion.

Eksport ke EU Meningkat 5.3% Tahun ke Tahun

Perdagangan dengan EU yang menyumbang 9.5% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada Ogos 2019, turun 7.8% tahun ke tahun kepada RM14.47 bilion. Eksport berjumlah RM8.05 bilion, meningkat 5.3% berikutan peningkatan eksport barang E&E, barang perkilangan berasaskan minyak sawit, kelengkapan pengangkutan dan barang makanan diproses. Import dari EU berjumlah RM6.42 bilion, jatuh 20.3%.

Di antara 10 pasaran utama EU yang merangkumi 89.6% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, eksport ke 4 negara mencatatkan peningkatan iaitu **Belanda** (\uparrow 42.5%), **United Kingdom (UK)** (\uparrow 12.9%), **Sepanyol** (\uparrow 14.0%) dan **Hungary** (\uparrow 1.6%).

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun sebanyak 1.6%, 0.7% dan 2.9%.

Pada 8 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan EU berjumlah RM118.69 bilion, mengurang 4% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport bernilai RM65.46 bilion, menyusut 1.4% berikutan pengurangan eksport barang perkilangan logam, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia. Peningkatan eksport direkodkan bagi barang E&E, keluaran petroleum serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari EU turun 7.1% kepada RM53.24 bilion.

Eksport ke AS Meningkat Lima Bulan Berturut-turut

Perdagangan dengan AS pada Ogos 2019 berkembang 3.8% tahun ke tahun kepada RM14.44 bilion, merangkumi 9.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke AS terus berkembang bagi 5 bulan berturut-turut dengan peningkatan 6.8% tahun ke tahun pada Ogos 2019 kepada RM8.32 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barang E&E, kelengkapan pengangkutan, barang kayu serta barang perkilangan plastik. Import dari AS naik secara marginal sebanyak 0.1% kepada RM6.11 bilion.

Berbanding Julai 2019, perdagangan dan import masing-masing meningkat 2.8% dan 7.5%, manakala eksport menyusut 0.4%.

Pada tempoh 8 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan AS berkembang 4.9% kepada RM106.48 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport tumbuh 4.3% kepada RM61.77 bilion disumbangkan oleh peningkatan eksport barang E&E, barang kayu, barang perkilangan plastik, barang makanan diproses serta keluaran getah. Import dari AS naik 5.6% kepada RM44.71 bilion.

Eksport ke Jepun Naik 2.4% Tahun ke Tahun

Pada Ogos 2019, perdagangan dengan Jepun yang mewakili 6.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM10.26 bilion, menurun 1.4% tahun ke tahun. Eksport berjumlah RM4.96 bilion, meningkat 2.4% berikutan peningkatan eksport barang perkilangan logam, barang E&E, bijih logam dan serpihan logam serta kelengkapan pengangkutan. Import dari Jepun mengurang 4.7% kepada RM5.3 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing menguncup 2.5%, 4.6% dan 0.4%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, perdagangan dengan Jepun bernilai RM84.84 bilion, mengurang 3.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport berjumlah RM44.05 bilion, pengurangan sebanyak 4.1% berikutan penurunan eksport

LNG, barang optik dan saintifik serta barangan perkilangan berasaskan minyak sawit. Kenaikan eksport direkodkan bagi kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan logam, tekstil, pakaian dan kasut serta barangan makanan diproses. Import dari Jepun menurun 3.7% kepada RM40.8 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada Ogos 2019, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 61.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia berjumlah RM93.95 bilion, menguncup 6.6% tahun ke tahun. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM49.09 bilion, penurunan sebanyak 2.4% dan import berjumlah RM44.86 bilion, penyusutan sebanyak 10.8%.

Peningkatan eksport direkodkan ke **India**, sebanyak 18.4% kepada RM3.61 bilion, **Pakistan** (\uparrow 26% kepada RM375.4 juta) dan **Turki** (\uparrow 13.8% kepada RM543.2 juta), berikutan peningkatan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Berbanding Julai 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing merekodkan pengurangan 6.4%, 8.7% dan 3.8%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada 8 bulan pertama tahun 2019 yang merangkumi 62% daripada jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM749.14 bilion, turun 2.5%. Eksport berjumlah RM398.81 bilion, pengurangan marginal 0.6% manakala import menyusut 4.7% kepada RM350.33 bilion.

Prestasi Import

Import pada bulan Ogos 2019 menurun 12.5% kepada RM70.43 bilion berbanding RM80.54 bilion pada Ogos 2018. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 75.7% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM39.02 bilion atau 55.4% syer daripada jumlah import, mengurang 13.9%, berikutan penurunan import bekalan industri diproses, terutamanya emas bukan bentuk wang;
- **Barang modal**, bernilai RM8.06 bilion atau 11.4% daripada jumlah import, turun 31%, disebabkan terutamanya pengurangan import barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) khasnya alat ganti jentera dan kelengkapan mekanikal; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM6.22 bilion atau 8.8% daripada jumlah import, mengurang 12.8%, berikutan penurunan import barang separa tahun lama, terutamanya pakaian dan aksesori dikait.

Pada tempoh Januari hingga Ogos 2019, import bernilai RM558.26 bilion, menguncup 4% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. **Barang pengantara** berjumlah RM306.84 bilion, turun 0.05%, **barang modal** (RM65.59 bilion, ↓13.3%) dan **barang penggunaan** (RM48.38 bilion, ↑0.4%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Jumaat, 4 Oktober 2019 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

+ Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

Data bulan Ogos 2019 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

Rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turki, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile dan Lao PDR.

JADUAL 1 : RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> <u>(RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import</u> <u>(RM Juta)</u>	<u>Imbalan Perdagangan</u> <u>(RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan</u> <u>(RM Juta)</u>
2018^f				
Januari	83,252.4	73,201.3	10,051.1	156,453.7
Februari	70,552.3	61,416.8	9,135.6	131,969.1
Mac	84,855.7	69,896.7	14,959.0	154,752.4
April	84,636.4	71,373.5	13,262.9	156,009.9
Mei	82,862.0	74,039.6	8,822.4	156,901.6
Jun	78,845.2	72,746.2	6,098.9	151,591.4
Julai	86,474.6	78,349.1	8,125.5	164,823.8
Ogos	81,982.2	80,536.1	1,446.1	162,518.3
September	83,341.9	67,770.9	15,571.0	151,112.9
Okttober	97,122.0	80,270.5	16,851.6	177,392.5
November	85,542.5	77,046.3	8,496.2	162,588.8
Disember	84,119.5	73,156.9	10,962.6	157,276.5
2018 (Jan-Dis)^f	1,003,586.9	879,804.0	123,782.9	1,883,390.9
2019^p				
Januari	85,399.9	73,885.7	11,514.2	159,285.5
Februari	66,599.5	55,543.1	11,056.4	122,142.5
Mac	84,063.2	69,678.9	14,384.2	153,742.1
April	85,155.0	74,345.6	10,809.4	159,500.6
Mei	84,138.2	75,062.7	9,075.5	159,201.0
Jun	76,143.2	65,631.0	10,512.2	141,774.2
Julai	87,958.4	73,682.5	14,275.9	161,640.9
Ogos	81,355.0	70,433.7	10,921.4	151,788.7
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<i>-7.5</i>	<i>-4.4</i>	<i>-23.5</i>	<i>-6.1</i>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>-0.8</i>	<i>-12.5</i>	<i>655.2</i>	<i>-6.6</i>
2018 (Jan-Ogos) ^f	653,460.8	581,559.4	71,901.5	1,235,020.2
2019 (Jan-Ogos)^p	650,812.3	558,263.2	92,549.2	1,209,075.5
<i>Perubahan (%)</i>	<i>-0.4</i>	<i>-4.0</i>	<i>28.7</i>	<i>-2.1</i>

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Ogos 2019 ^p	Julai 2019 ^p	Ogos 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	81,355.0	87,958.4	81,982.2	-7.5	-0.8
Barangan Elektrik & Elektronik	29,666.2	36,043.7	32,051.5	-17.7	-7.4
Keluaran Petroleum	5,431.2	6,423.2	5,074.2	-15.4	7.0
Kimia & Bahan Kimia	4,765.2	4,884.1	4,990.0	-2.4	-4.5
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	4,079.9	3,023.8	3,309.3	34.9	23.3
Barangan Perkilangan Logam	3,961.0	3,591.7	3,323.8	10.3	19.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,462.4	3,736.7	3,217.0	-7.3	7.6
LNG	2,899.7	3,348.0	3,266.3	-13.4	-11.2
Barangan Optik & Saintifik	2,777.4	3,069.7	3,167.6	-9.5	-12.3
Keluaran Getah	2,236.7	2,024.4	2,295.2	10.5	-2.5
Petroleum Mentah	1,975.9	2,076.3	3,293.6	-4.8	-40.0

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Ogos 2019 ^p	Julai 2019 ^p	Ogos 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	81,355.0	87,958.4	81,982.2	-7.5	-0.8
China	11,490.5	13,339.3	11,826.9	-13.9	-2.8
Singapura	10,938.6	12,345.5	11,783.5	-11.4	-7.2
AS	8,323.6	8,361.2	7,793.6	-0.4	6.8
Hong Kong SAR	4,988.6	6,624.2	5,900.2	-24.7	-15.4
Jepun	4,958.6	5,200.3	4,842.0	-4.6	2.4
Thailand	4,248.4	4,853.5	4,630.5	-12.5	-8.3
India	3,612.1	3,043.9	3,051.6	18.7	18.4
Viet Nam	2,962.5	3,161.5	2,376.6	-6.3	24.6
ROK	2,747.7	2,900.1	3,027.2	-5.3	-9.2
Indonesia	2,594.2	2,565.8	2,351.8	1.1	10.3

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- OGOS)

Barangan	Jan-Ogos 2019 ^p	Jan-Ogos 2018 ^f	Perubahan %
	RM Juta	RM Juta	
Jumlah Eksport	650,812.3	653,460.8	-0.4
Barangan Elektrik & Elektronik	247,584.7	245,781.4	0.7
Keluaran Petroleum	47,054.8	49,257.6	-4.5
Kimia & Bahan Kimia	37,971.0	36,751.7	3.3
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	28,397.8	30,166.0	-5.9
Barangan Perkilangan Logam	28,034.7	30,328.6	-7.6
LNG	27,873.7	25,087.1	11.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	27,505.6	27,546.5	-0.1
Barangan Optik & Saintifik	23,763.0	23,542.6	0.9
Petroleum Mentah	18,327.4	24,004.5	-23.7
Keluaran Getah	16,733.2	17,448.9	-4.1

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- OGOS)

Pasaran	Jan-Ogos 2019 ^p	Jan-Ogos 2018 ^f	Perubahan %
	RM Juta	RM Juta	
Jumlah Eksport	650,812.3	653,460.8	-0.4
Singapura	89,115.5	89,735.5	-0.7
China	88,958.5	89,043.8	-0.1
AS	61,769.6	59,205.7	4.3
Hong Kong SAR	44,073.6	48,112.7	-8.4
Jepun	44,048.0	45,919.9	-4.1
Thailand	38,696.6	37,641.3	2.8
India	26,458.6	24,691.5	7.2
Taiwan	23,486.8	20,406.3	15.1
Viet Nam	22,976.3	22,360.7	2.8
ROK	21,808.4	21,533.2	1.3

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Ogos 2019 ^p	Julai 2019 ^p	Ogos 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	70,433.7	73,682.5	80,536.1	-4.4	-12.5
Barangan Elektrik & Elektronik	20,854.2	20,733.0	24,994.5	0.6	-16.6
Kimia & Bahan Kimia	7,482.1	7,124.3	7,454.6	5.0	0.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,713.4	6,323.6	6,946.1	-9.6	-17.7
Keluaran Petroleum	5,679.7	6,052.0	5,541.8	-6.2	2.5
Kelengkapan Pengangkutan	3,564.9	3,206.0	4,767.7	11.2	-25.2
Barangan Perkilangan Logam	3,545.2	3,667.6	4,038.7	-3.3	-12.2
Barangan Besi & Keluli	2,930.7	2,737.1	2,789.5	7.1	5.1
Barangan Optik & Saintifik	2,027.6	2,123.2	2,197.5	-4.5	-7.7
Barangan Makanan Diproses	1,735.4	1,806.7	1,890.0	-3.9	-8.2
Petroleum Mentah	1,555.7	2,795.7	3,253.9	-44.4	-52.2

JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT

Sumber	Ogos 2019 ^p	Julai 2019 ^p	Ogos 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	70,433.7	73,682.5	80,536.1	-4.4	-12.5
China	14,974.8	15,163.8	16,920.4	-1.2	-11.5
Singapura	7,160.1	7,096.8	8,746.4	0.9	-18.1
AS	6,114.6	5,687.3	6,110.3	7.5	0.1
Jepun	5,303.4	5,323.0	5,566.0	-0.4	-4.7
Taiwan	4,681.8	4,860.6	6,089.5	-3.7	-23.1
Thailand	3,627.2	3,497.4	4,495.4	3.7	-19.3
ROK	3,299.6	3,887.9	3,357.1	-15.1	-1.7
Indonesia	3,206.8	3,747.0	3,797.5	-14.4	-15.6
Jerman	2,294.6	2,501.5	2,396.4	-8.3	-4.2
India	2,155.6	1,712.7	1,906.1	25.9	13.1

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI- OGOS)

Barangan	Jan-Ogos 2019 ^p	Jan-Ogos 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	558,263.2	581,559.4	-4.0
Barangan Elektrik & Elektronik	161,113.6	173,283.8	-7.0
Kimia & Bahan Kimia	55,177.5	54,082.6	2.0
Keluaran Petroleum	49,006.2	53,474.0	-8.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	46,307.2	49,928.2	-7.3
Barangan Perkilangan Logam	29,355.9	30,346.9	-3.3
Kelengkapan Pengangkutan	27,324.6	31,682.4	-13.8
Barangan Besi dan Keluli	20,245.4	20,945.4	-3.3
Petroleum Mentah	17,822.1	15,150.1	17.6
Barangan Optik & Saintifik	15,600.9	15,470.2	0.8
Barangan Makanan Diproses	13,383.4	13,004.6	2.9

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI- OGOS)

Sumber	Jan-Ogos 2019 ^p	Jan-Ogos 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	558,263.2	581,559.4	-4.0
China	114,766.6	117,157.6	-2.0
Singapura	57,192.8	66,911.2	-14.5
AS	44,711.4	42,321.1	5.6
Jepun	40,796.6	42,345.8	-3.7
Taiwan	38,363.1	41,427.9	-7.4
Thailand	29,692.3	32,285.8	-8.0
ROK	25,695.0	25,811.5	-0.5
Indonesia	25,477.8	26,477.7	-3.8
Jerman	18,113.8	17,662.7	2.6
Australia	15,074.1	13,883.0	8.6

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f - data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2013 – OGOS 2019